

100 taktik seludup dadah didedah

Oleh MUSTAPA LAKAWA dan MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Kegilaan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa untuk menyeludup bahan larangan itu ke Malaysia mendorong kumpulan penjenayah terbabit menggunakan pelbagai taktik pelik bagi mengelakkan kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa.

Bagaimanapun, lebih 100 taktik yang digunakan sindiket itu berjaya digagalkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik sejak tahun 1980-an hingga kini.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Mokhtar Mohd. Shariff (**gambar kecil**) berkata, pada tahun 1980-an, taktik itu bermula dengan cara menelan kapsul dadah jenis kokain yang mungkin dianggap mustahil boleh dilakukan oleh orang biasa.

Namun, kini, katanya, berikutan perkembangan teknologi, sindiket antarabangsa juga dikesan mengedar menerusi internet.

Menurutnya, perubahan trend itu dilakukan ekoran kecekapan dan kepantasan pihak berkuasa bukan sahaja di Malaysia, tetapi seluruh



PELAPIK kusyen yang digunakan untuk menyeludup dadah berjaya dibongkar oleh JKDM di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang pada 2 April lalu.



PDRM pernah membongkar taktik menyembunyikan dadah di dalam alat penyaman udara mudah alih.



PENYELUDUP dadah juga menggunakan penapis air untuk membawa masuk bahan terlarang itu.



DADAH pernah disorokkan di dalam buku agama.

INFO Antara taktik pelik penyeludupan dadah

1. Sorok dadah dalam ekzos kenderaan
2. Sembunyikan dadah dalam replika kuda perhiasan
3. Sorok dalam buku agama
4. Selit dadah dalam tapak kasut
5. Masukkan dadah dalam kompresor peti sejuk
6. Sorok dadah dalam bekas penyaman udara
7. Sembunyikan dadah dalam beg tangan wanita
8. Dadah diikat pada celah kemaluan
9. Sembunyikan dadah dalam kamera litar tertutup
10. Sorok dadah dalam pengecas telefon bimbit
11. Sembunyikan dadah dalam tayar kereta
12. Sorok dadah dalam pelapi kusyen
13. Sembunyikan dadah diikat pada betis
14. Sorok dadah dalam seluar dalam
15. Sorok dadah dalam sabun mandi (sabun ketul)
16. Sembunyikan dadah dalam komputer riba
17. Sembunyikan dalam ubi kayu dan ubi keledek
18. Sembunyikan dalam bungkusan ikan masin
19. Sorok dadah dalam coli
20. Sorok dadah dalam dubur
21. Disorok dadah dalam peralatan ganti kereta
22. Sorok dadah dalam bagasi yang telah diubah suai
23. Sembunyikan dadah dalam tepung gandum
24. Sembunyikan dadah dalam gelang kunci
25. Sembunyikan dadah jenis cecair diserap dalam pasir
26. Sorok dadah dalam gulungan permadani
27. Sorok dadah dalam tin santan
28. Sembunyikan dadah dalam patung pakaian
29. Sorok dadah dalam bingkai perhiasan

di Malaysia tetapi seluruh dunia dalam 'menghidu' kegiatan penyeludupan dadah sama ada melalui pintu udara, darat atau laut.

"Sindiket penyeludupan juga sering melakukan taktik dengan cara mencelepkan pakaian atau tuala ke dalam cecair sebatian dadah dan dibiarkan hingga kering sebelum diseludup ke negara lain atau pengedaran dalam negara," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* semalam.



Mohd. Mokhtar memberitahu, patuala ke dalam cecair sebatian dadah dan dibiarkan hingga kering sebelum diseludup ke negara lain atau pengedaran dalam negara," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* semalam.

Beliau berkata demikian ketika mendedahkan taktik-taktik pelik yang digunakan sindiket dadah antarabangsa untuk menyeludup masuk bahan terlarang itu ke negara ini.

Mohd. Mokhtar memberitahu, patuala ke dalam cecair sebatian dadah dan dibiarkan hingga kering sebelum diseludup ke negara lain atau pengedaran dalam negara," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* semalam.

Beliau berkata, sehingga kini, pihaknya mendapati, kebanyakan dadah diseludup masuk menerusi kargo udara dan laut dengan cara disembunyikan di dalam pelbagai jenis peralatan termasuk makanan dari negara luar.

"Bagaimanapun, semua kegiatan penyeludupan itu berjaya ditangkis dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang melakukan pemantauan di dalam buku agama sebelum menggunakan khidmat kurier untuk diseludup ke luar negara."

Beliau berkata, terdapat

sindiket yang didalangi warga asing menggunakan khidmat kurier antarabangsa untuk menyeludup masuk dadah ke Malaysia.

Jelasnya, berdasarkan modus operandi, sindiket itu akan menghantar barang dengan menggunakan alamat palsu bagi mengelakkan pihak berkuasa menghidu kegiatan mereka.

"Apabila barang (dadah) tiba di pusat kurier setelah alamat asal gagal dikesan, barulah suspek di negara ini akan pergi untuk mengambalnya," ujar Mohd. Mokhtar.

Penyeludup sanggup pertaruh nyawa

KOTA KINABALU - Trend penyeludupan dadah di lapangan terbang masuk di lapangan terbang di negeri ini hanya berani dilakukan oleh para pengedar bahan larangan itu yang mahu mengaut keuntungan lumayan.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah, Datuk Dr. Janathan Kandok berkata, kegiatan itu juga dianggap sebagai satu 'perniagaan' oleh

kumpulan yang tidak bertanggungjawab sekalipun menyedari risikonya.

"Mereka (suspek) sebenarnya tahu apa yang mereka lakukan (menyeludup dadah) dan juga sedar akan hukuman berat yang menanti.

"Namun, mereka tetap memilih jalan pintas itu sehingga sanggup mempertaruhkan nyawa demi mencari keuntungan segera," katanya ketika

ditemui *Kosmo! Ahad* di sini semalam.

Difahamkan, suspek-suspek penyeludup dadah itu akan datang ke negeri ini dengan menaiki kapal terbang sebagai seorang pelancong ataupun atas urusan kerja.

Modus operandi yang biasa digunakan adalah dengan menyembunyikan dadah berkenaan di dalam peket minuman ataupun bungku-

san herba.

Janathan berkata, berdasarkan rekod, sejak 2012, pihak kastam Sabah telah membongkar 18 kes penyeludupan dadah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Sandakan dengan membabitkan nilai rampasan keseluruhan mencecah RM14 juta.

- 29. pakaian
- 30. Sorok dadah dalam batang payung lipat
- 31. Sorok dadah dalam bentuk buah kurma
- 32. Sembunyi dadah dalam batang besi bagasi
- 33. Sorok dadah dalam gulungan permaidani
- 34. Sembunyi dadah dalam kotak makanan
- 35. Simpan dadah dalam bungkus teh Cina
- 36. Sorok dadah dalam bungkus makaroni
- 37. Sembunyikan dadah dalam bongkah kayu
- 38. Guna seluar jeans menyembunyi dadah
- 39. Sembunyikan dadah dalam periuk nasi
- 40. Sorok dadah dalam bingkai gambar
- 41. Disorok dalam kain saree
- 42. Sembunyikan dadah dalam tin puri tomato
- 43. Sorok dadah dalam barangan kosmetik
- 44. Sembunyikan dadah dalam krim pemutih
- 45. Simpan dadah dalam penapis minyak
- 46. Sembunyi dadah dalam tin coklat
- 47. Sorok dadah dalam bekas minyak wangi
- 48. Sembunyikan dadah dalam besi kaki meja lipat
- 49. Sorok dadah dalam kampak berisi tanah liat
- 50. Sembunyi dadah dalam kotak mi segera
- 51. Disorok dalam peralatan sukan pintar
- 52. Skuter Elektrik Dua Roda

